

SOALAN NO.: 16

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

KAWASAN : BUKIT GANTANG

TARIKH : 15 JUN 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD (BUKIT GANTANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kesesakan lebuh raya PLUS sering berlaku terutama ketika kemalangan, kadang-kadang memakan masa lebih sejam, apakah S.O.P. PLUS untuk menyuraikan kesesakan trafik kerana kerugian petrol dan tol ditanggung oleh pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS Malaysia Berhad sebagai operator lebuh raya yang terbesar di negara ini sememangnya telah sedia mengamalkan Tatacara Pengendalian Piawai atau ‘Standard Operating Procedures’ (SOP) untuk kes-kes kemalangan yang berlaku di lebuh raya itu.

Kebiasaannya apabila berlaku sesuatu kes kemalangan, sebahagian atau keseluruhan dari laluan lebuh raya di kawasan kejadian akan ditutup untuk memberi laluan kepada pihak berkuasa bagi menjalankan kerja-kerja mengurus, menyiasat, menyelamat dan memberi bantuan awal kepada mangsa-mangsa kemalangan yang terlibat. Ini merupakan keutamaan pihak PLUS pada masa tersebut di mana keadaan ini tentulah akan memberi kesan terhadap kelancaran trafik berikutnya berlaku kesesakan akibat daripada kejadian kemalangan.

Untuk mengurangkan impak kesesakan yang berlaku kepada pengguna yang terperangkap akibat kemalangan itu, pihak PLUS akan mempertimbangkan pembukaan lorong secara ‘contra-flow’ dan pusingan “U” serta melencongkan trafik ke jalan alternatif yang berhampiran. Di samping itu PLUS juga turut menempatkan kakitangan tambahan menerusi pasukan PLUS-Ronda yang akan memberi bantuan tambahan dan memantau situasi trafik di tempat kejadian. Berdasarkan S.O.P. pihak PLUS, ‘response time’ yang diambil oleh pasukan PLUS-Ronda untuk sampai ke sesuatu tempat

kemalangan itu ialah antara 7 minit hingga 20 minit, tertakluk kepada lokasi kejadian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan trafik yang berlaku semasa berlaku kemalangan di lebuh raya antara lain ialah disebabkan oleh sikap sebilangan pengguna yang tidak prihatin dengan menggunakan lorong kecemasan. Keadaan ini akan mengakibatkan bantuan kecemasan daripada pihak berkuasa seperti polis, ambulans dan bomba terhalang dan lewat tiba di tempat kejadian. Oleh itu pengguna dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengguna juga boleh menghubungi talian bebas tol PLUSLine di talian 1-800-88-0000 jika memerlukan bantuan atau untuk melaporkan kejadian kemalangan yang berlaku.

Sekian. Terima kasih.